

HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN) 2020 “Masa Depan Adalah Kita”.

KUALA LUMPUR - Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara Tahun 2020 (HPTN2020) yang bermula dari 5 hingga 30 Disember 2020 secara maya. HPTN 2020 telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Muhammad Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Disember 2020 juga secara maya.

Tema “*Masa Depan Adalah Kita*” seiring dengan aspirasi negara yang ingin memupuk kecintaan dan minat generasi muda menceburi bidang teknikal sebagai profesion pilihan.

HPTN adalah platform untuk para profesion teknikal berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman serta memberi pendedahan bidang teknikal kepada masyarakat umum. Sambutan ini juga adalah sebagai simbolik bagi menghargai dan mengiktiraf warga profesion teknikal atas sumbangan dalam membangunkan Negara.

Sambutan tahunan ini adalah anjuran bersama agensi-agensi di bawah KKR iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM).

Pelbagai aktiviti telah disusun sempena Sambutan HPTN 2020 antaranya adalah seperti berikut:

- i. Lebih 20 sesi Webinar anjuran agensi kerajaan, universiti dan badan profesional teknikal Negara
- ii. Pertandingan Lego
- iii. Pertandingan Mobile Legends
- iv. Pertandingan PUBG
- v. *Virtual Run*
- vi. *E-Sport*
- vii. Pertandingan fotografi
- viii. Kuiz teknikal

Sambutan HPTN turut dibantu oleh rakan strategik yang terdiri daripada beberapa Kementerian dan agensi-agensi kerajaan, syarikat swasta, IPTA, IPTS dan juga selebriti popular tanahair yang turut sama mempromosikan sambutan HPTN 2020.

Orang ramai boleh melayari laman web www.hptn.my dan media sosial rasmi HPTN di *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan menyertai pertandingan yang diadakan bersempena sempena HPTN 2020.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 DISEMBER 2020**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/kkr.gov.my) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my